

0117

U B089 AAB

(ULANGAN MEMBETULKAN BULAN DIADAKAN UJIAN PADA PERENGGAN DUA)

R'R'R'

MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 3 MAC (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN UMNO AKAN MENCAPAI KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG BERDASARKAN SATU UJIAN SIMULASI (DRY-RUN) PILIHAN RAYA UMUM YANG DIJALANKAN OLEH JENTERA PARTI.

UJIAN ITU DIJALANKAN SERENTAK DI SEMUA NEGERI SELAMA DUA MINGGU SEJAK PERTENGAHAN FEBRUARI KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO DI SINI HARI INI.

+SAYA PUAS HATI DENGAN LAPORAN YANG SAYA TERIMA. MENGIKUT LAPORAN KITA, INSYAALLAH, KITA AKAN MENANG KERUSI-KERUSI PARLIMEN DAN NEGERI-NEGERI TERMASUK DI KELANTAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN UJIAN ITU MENUNJUKKAN JENTERA PARTI SUDAH SIAP SEDIA, BADAN PERHUBUNGAN UMNO DI SEMUA NEGERI TELAH DIBERI ARAHAN UNTUK MEMPERKEMASKAN LAGI JENTERA PILIHAN RAYA MASING-MASING.

ILHAM MENGADAKAN UJIAN SIMULASI ITU BERDASARKAN +DRY-RUN+ YANG DIBUAT BAGI PERSEDIAAN MENGHADAPI MESYUARAT KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL (CHOGM) BARU-BARU INI, KATANYA, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA IA BERTUJUAN MENGENAL PASTI KELEMAHAN-KELEMAHAN DAN MENGUJI PERSEDIAAN PARTI. -- LAGI.

1709MST 03 03 90

MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

KETIKA DIMINTA MENJELASKAN MENGENAI UJIAN ITU, BELIAU SEKADAR BERKATA BAHAWA IA MERUPAKAN SIMULASI PILIHAN RAYA UMUM.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN ENGGAN MEMBERIKAN BUTIRAN LANJUT MENGENAI KAEDAH JENTERA UMNO MENJALANKAN UJIAN ITU SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA IA ADALAH RAHSIA PARTI.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK TERLIBAT DALAM UJIAN ITU DAN TIDAK MENJADI KESALAHAN BAGI UMNO MENJALANKANNYA KERANA IA HANYA MELIBATKAN JENTERA PARTI ITU SAHAJA.

KETIKA MENGULAS MENGENAI KRITIKAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG, BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK NAMPAK +SEBARANG YANG JAHAT+ MENGENAI UJIAN ITU,+ DAN MENAMBAH KATA BAHAWA: +MEREKA JUGA BOLEH MENGADAKAN UJIAN YANG SERUPA BAGI PARTI MEREKA JIKA MEREKA MAHU.+

SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN SAMA ADA BARISAN NASIONAL AKAN TURUT MENGADAKAN +DRY-RUN+ BAGI MENGUJI KEKUATANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA, JIKA BN MERASAKAN UJIAN SERUPA ITU PERLU MAKA IA BOLEHLAH DIADAKAN. -- LAGI.

1505MST 03 03 90

0097

U B077 AAB

MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

KETIKA MENJAWAB SATU PERTANYAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BN SECARA UMUMNYA MEMANG SUDAH DAN SENTIASA BERSEEDIA MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM TETAPI BN MAHU LEBIH BERSEEDIA LAGI.

MESYUARAT MT UMNO HARI INI MEMAKAN MASA LEBIH EMPAT JAM KERANA KETUA-KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENGEMUKAKAN LAPORAN MASING-MASING MENGENAI HASIL UJIAN ITU.

KETIKA DITANYA MENGENAI PINDAAN AKTA PILIHANRAYA, PERDANA MENTERI BERKATA, IA BERTUJUAN MEMASTIKAN PILIHAN RAYA TIDAK DIPERMAIN-MAINKAN DAN JUGA MENGELAKKAN PEMBAZIRAN WANG RAKYAT.

BELIAU BERKATA, TEMPOH LIMA TAHUN TIDAK BOLEH BERTANDING YANG DITETAPKAN KE ATAS WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG MELETAKKAN JAWATAN ADALAH BERKUATKUASA MULAI TARIKH PERLETAKAN JAWATAN DAN BUKAN DARIPADA TARIKH PILIHAN RAYA.

BAGAIMANAPUN, PINDAAN ITU MEMBENARKAN MEREKA YANG MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI BERTANDING SEMULA SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN DAN ANGGOTA PARLIMEN YANG MELETAKKAN JAWATANNYA PULA BOLEH BERTANDING UNTUK KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI. -- LAGI.

1616MST 03 03 90

D105

U B079 AAB

MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA LARANGAN BERTANDING SEMULA ITU MELIBATKAN WAKIL-WAKIL RAKYAT SECARA INDIVIDU TANPA MENGIRA PARTI YANG MEREKA WAKILI, DAN MENAMBAH KATA, INI BERMAKNA WALAUPUN SESEORANG WAKIL RAKYAT ITU BERTUKAR PARTI, BELIAU MASIH TERIKAT DENGAN TEMPOH LARANGAN BERTANDING SEMULA SELAMA LIMA TAHUN ITU.

BELIAU BERKATA, MESYUARAT MT HARI INI JUGA MEMBINCANGKAN KEMENANGAN DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD SEBAGAI KETUA UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU.

KATANYA, MT MENERIMA KEPUTUSAN TERSEBUT.

DATUK SHAHRIR, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN JOHOR BAHRU MENDAPAT 125 UNDI DAN MENGALAHKAN ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI JOHOR, DATUK YUNOS SULAIMAN YANG MENDAPAT 87 UNDI PADA PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ITU SEMALAM. -- BERNAMA.